

ID 126

**Pembelajaran Atas Talian: Motivasi Akademik dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di
Universiti**

Ross Azura Zahit¹

¹Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
Universiti Malaysia Sarawak

zrazura@unimas.my

ABSTRAK

Wabak COVID-19 telah memberi kesan besar bukan sahaja kepada ekonomi malah emosi dan psikologi kepada semua lapisan masyarakat di seluruh dunia. Pelajar universiti, khususnya, turut dilaporkan mengalami kesan psikologi apabila terpaksa melalui pembelajaran dalam talian akibat pandemik COVID-19. Maka, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memahami motivasi akademik, sama ada intrinsik mahupun ekstrinsik di kalangan para pelajar tahun satu yang terpaksa mengikuti sesi pembelajaran dalam talian sepenuhnya sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Seramai 159 orang pelajar tahun satu dari Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah mengisi penilaian “Academic Motivation Scale” (Wabash National Study Instruments, 2020) menerusi Google Form secara dalam talian. Secara ringkasnya, hasil kajian ini mendapati bahawa para pelajar mempunyai motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang tinggi walaupun ia merupakan satu pengalaman yang baru bagi mereka. Namun begitu, pengalaman akademik yang kurang menyeronokkan turut mempengaruhi motivasi akademik pelajar. Perbincangan dan cadangan penambahbaikan bagi mengatasi isu ini turut dijelaskan di akhir kajian ini.